

# Tips tanam ubi keladi



**Susunan ABDULL GHAFFAR OTHMAN**  
Taman Pertanian Universiti  
aghaaffar@putra.upm.edu.my

**U**BI keladi dengan nama saintifik *Colocasia esculenta* dari keluarga Araceae merupakan tanaman tropika dan dipercayai berasal dari kawasan lembah di Malaysia dan ditanam di India pada 5000 tahun sebelum Masehi sebelum dibawa ke Mesir.

Pokok keladi mempunyai daun yang lebar berbentuk hati dengan saiz yang pelbagai. Sesetengah spesies keladi mengeluarkan sulur yang menjalar. Di negara seperti Fiji, ubi keladi dijadikan sumber makanan utama.

Keladi tidak boleh dimakan mentah dan dianggap beracun kerana kandungan *calcium oxalate* di dalamnya. Ia selamat untuk dimakan setelah direbus atau direndam dalam air semalaman.

Di Malaysia ubi keladi dijadikan makanan manusia dan ternakan.

Isi atau ubi keladi boleh digoreng, direbus, dibuat kuih muih dan juga bubur sementara batang dan sulur beberapa jenis keladi boleh dijadikan sayuran. Pengeluar utama keladi adalah negeri Johor.

Ubi keladi mengandungi karbohidrat yang tinggi di samping zat-zat galian yang lain.

## Jenis-jenis keladi

Terdapat lebih daripada 35 kultivar keladi yang berbeza dan umumnya keladi dibahagi kepada dua kumpulan utama iaitu:

- Keladi jenis *eddoe* iaitu ubinya kecil dan dikelilingi oleh ubi-ubi sisi yang sempurna bentuknya dikenali sebagai *Colocasia esculenta var. antiquorum*.



**MESKIPUN** kurang popular berbanding tanaman lain, keladi masih digunakan dalam masakan dan makanan ternakan.

- Keladi jenis *dasheen* iaitu keladi yang mempunyai ubi yang besar dan terdapat kelompok ubi sisi yang kecil dipanggil *Colocasia esculenta var. esculenta*.

## Keperluan tanaman keladi

- Ubi keladi boleh hidup dalam julat suhu 270 - 300C.
- Taburan hujan melebihi 100 sm/tahun.
- Ubi keladi sesuai pada tanah lom berpasir dan tidak bertakung air dan juga tanah gambut.
- pH tanah yang sesuai adalah 4.5 hingga 7.

## Penanaman

### Penyediaan tanah

- Tanah perlu dibajak dengan bajak piring untuk membalik-balikkan tanah untuk menghapuskan rumpai dan menambah bahan organik. Ia diikuti dengan bajak putar untuk menghancurkan tanah untuk mendapatkan tekstur yang gembur.
- Jika tanah terlalu berasid, pengapuran perlu untuk menaikkan pH.

- Keladi boleh ditanam sama ada di atas batas atau tanpa batas.

### Bahan tanaman dan jarak tanaman

- Benih keladi diperoleh dari sulur atau anak pokok yang berumur lebih kurang dua bulan dengan garis pusat tiga sentimeter.
- Pucuk anak benih keladi dipotong dan tinggalkan batang atau tangkai daun keladi sepanjang 30 sentimeter.
- Jarak antara pokok adalah 45 sentimeter dan antara barisan ialah 120 sentimeter.
- Penyiraman perlu pada peringkat awal pertumbuhan pokok terutama jika cuaca kering.

### Pembajaan

- Bagi tanah yang berasid, pengapuran perlu untuk menaikkan pH.
- Kadar pembajaan yang biasa adalah 60N:50P2O5:100K2O kg/ha bergantung kepada kesuburan tanah, jarak tanaman dan keadaan tanah.
- Baja diberi selepas 3-4 minggu ubi keladi ditanam.

### Pengawalan rumpai

- Merumpai dijalankan semasa pokok membesar iaitu tiga minggu selepas ditanam.

- Kawalan rumpai boleh secara manual atau menggunakan racun rumpai.
- Semasa merumpai secara manual, tanah akan dikambus ke pangkal perdu pokok selepas sulur keladi dibuang.
- Sulur yang tidak diperlukan dibuang untuk memastikan tumbesaran pokok induk lebih sempurna.

### Kawalan perosak dan penyakit

- Musuh ubi keladi adalah serangga seperti ulat dan belalang. Ulat *Hippotion celerio* akan memakan daun keladi hingga ke tangkainya. Kawalan yang disyorkan adalah dengan mengutip ulat perosak ini dan dimusnahkan.
- Belalang menyerang dengan memakan daun keladi yang menyebabkan pertumbuhan pokok terbantut. Kawalan dengan menggunakan racun serangga sekiranya serangan terlalu teruk.
- Penyakit hawar daun oleh *Phytophthora colocasia* dapat dikawal dengan amalan kultura yang baik dan membuang dan musnahkan pokok yang diserang.
- Penyakit reput umbisi oleh *Sclerotium rolfsii* juga boleh dikawal dengan amalan kultura seperti giliran tanaman dan musnahkan pokok yang dijangkiti.

### Pemungutan hasil

- Hasil ubi keladi boleh dikutip selepas tujuh hingga 12 bulan ditanam bergantung kepada jenis dan penjagaannya dimana saiz ubi keladi ini telah sesuai untuk dipasarkan.
- Anggaran hasil adalah antara 6-12 tan/ha bergantung kepada penjagaan dan jenis ubi keladi.